

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN HARI KOPERASI  
SEKOLAH SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN SELAYANG BHARU**

**18 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)**  
**8.00 PAGI**

Bismillahirrahmaanirrahim  
Assalamualaikum            Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima Kasih Pengacara Majlis

## SALUTASI OLEH PIHAK PENGANJUR

1. Setinggi rasa syukur kita panjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kuraniNya Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya dapat kita berhimpun untuk satu majlis yang cukup amat bermakna

bermakna buat warga Sekolah Menengah Kebangsaan Selayang Bharu bagi meraikan sambutan Hari Koperasi Sekolah pada hari ini.

2. Sekalung ucapan tahniah dan syabas kepada Kepimpinan Sekolah dan juga Warga Koperasi SMK Selayang Bharu Berhad termasuk para

guru dan murid yang telah bertungkus lumus merealisasikan penganjuran sambutan ini.

3. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak sekolah kerana kesudian untuk menjemput saya merasmikan program sambutan ini. Saya percaya melalui penganjuran

program ini para pelajar dapat dilatih dengan kepemimpinan, tanggungjawab dan ilmu keusahawanan koperasi yang dapat dipraktikkan dalam urusan seharian.

**Para guru dan pelajar yang dikasihi sekalian,**

4. Idea tertubuhnya koperasi sekolah di negara ini dicetuskan tahun 1953 semasa Persidangan Kerjasama Malaya. Sebuah usul telah diluluskan hasil persetujuan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pertanian yang menggalakkan penubuhan koperasi sekolah.

5. Pada tahun 1968, idea ini sekali lagi dibangkitkan oleh YM Profesor Diraja Ungku Aziz dan hasilnya sembilan buah sekolah di Semenanjung Malaysia telah dipilih sebagai peneraju untuk menubuhkan koperasi di sekolah masing-masing.



6. Mengikut perangkaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sehingga **31 Disember 2022**, bilangan koperasi sekolah berjumlah **2,481** dengan keanggotaan seramai **2 juta** individu, syer/yuran sebanyak **RM29.92 juta**, aset **RM439.02 juta** dan perolehan **RM298.76 Juta**.

7. Kejayaan gerakan koperasi sekolah di negara ini menjadi contoh kepada negara luar yang kagum dengan pencapaiannya. Bahkan model koperasi sekolah kini sedang dibangunkan di beberapa negara ASEAN dan Kemboja adalah salah satu contohnya.

## **Para guru dan pelajar yang dikasihi sekalian,**

8. Sambutan HKS di peringkat sekolah dianjurkan dengan objektif untuk memberitahu kepada warga sekolah dan komuniti setempat akan kewujudan koperasi sekolah dan peranan yang dimainkan untuk

mendidik para pelajar dalam mendalami prinsip dan jatidiri koperasi.

9. Untuk makluman semua, sehingga ke hari ini telah ada **19 buah koperasi sekolah yang perolehannya telah mencapai RM1 Juta.** Saya yakin koperasi sekolah ini juga ada potensinya dan mampu untuk

mencapai angka perolehan tersebut melalui komitmen dan usaha berterusan yang dijalankan oleh pihak koperasi.

10. Selain para pelajar dan guru, pihak ibu bapa juga memainkan peranan yang signifikan kepada kejayaan sesebuah koperasi sekolah. Saya

sarankan ibu bapa juga menyokong perniagaan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi sekolah kerana keuntungannya akan digunakan untuk kebajikan anak – anak kita samada melalui penajaan program dan juga sumbangan.

## **Hadirin yang dihormati sekalian,**

11. Sebagai badan puncak gerakan koperasi yang diiktiraf oleh kerajaan, ANGKASA komited membantu koperasi dalam merangsang aktiviti perniagaan koperasi melalui penggalakkan aktiviti keusahawanan melalui koperasi. Ini kerana koperasi

sekolah adalah platform memperkasakan modal insan dengan menanamkan nilai, prinsip dan keilmuwan koperasi peringkat sekolah.

12. Saya penuh yakin, melalui kewibawaan warga koperasi sekolah ini, dan juga sokongan berterusan pihak sekolah, Koperasi SMK Selayang



Bharu Berhad akan mencatat perolehan yang lebih memberangsangkan pada tahun ini melalui kepelbagaian aktivitinya termasuklah melalui program yang diadakan pada hari ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

13. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur atas kesudian menjemput saya dalam memeriahkan lagi acara pada hari ini. Saya mendoakan agar program yang dianjurkan mencapai objektifnya dan membakar semangat keusahawanan koperasi para pelajar SMK Selayang Bharu.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim, saya dengan ini merasmikan Hari Koperasi Sekolah SMK Selayang Bharu.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.